

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN KRISMAS 2022

PUTRAJAYA, 30 DISEMBER 2022 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2022 dari 23 Disember 2022 hingga 27 Disember 2022. Tempoh pelaksanaan adalah selama 5 hari dan ia berkuat kuasa pada 2 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 2 hari selepas perayaan.

2. SHMMP Krismas 2022 telah dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] dan penentuan harga dibuat di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit.
3. Sebanyak 11 jenis barangan harga terkawal berserta harga maksimumnya telah diwartakan bagi pelaksanaan SHMMP Krismas 2022.
4. Sepanjang pelaksanaan Skim ini, sebanyak **3,255** pemeriksaan telah dijalankan ke atas premis perniagaan di seluruh negara merangkumi **58** pemeriksaan ke atas premis borong dan **3,197** pemeriksaan ke atas premis runcit. Sepanjang tempoh kuat kuasa skim, hanya 1 tindakan undang-undang telah diambil terhadap peniaga kerana gagal menggunakan tanda harga khas merah jambu. Sepanjang tempoh tersebut juga, tiada aduan diterima berkaitan pelaksanaan SHMMP Krismas 2022.

5. Sepanjang pelaksanaan Skim, Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berada di lokasi-lokasi strategik seperti pasar-pasar awam, pasaraya dan lain-lain premis perniagaan yang menjadi tumpuan pengguna untuk membeli-belah. Strategi ini membolehkan penguatkuasaan dan pemantauan dilaksanakan dengan lebih berkesan di mana tindakan segera dapat diambil terhadap aduan pengguna dan tindakan penguatkuasaan ke atas peniaga sekiranya berlaku ketidakpatuhan.

6. Pada masa yang sama, penguatkuasaan secara berhemah dilaksanakan dengan memberi pendidikan, nasihat dan amaran supaya para peniaga mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa dan mengamalkan etika perniagaan yang baik.

7. Berdasarkan pemantauan KPDN dan maklum balas orang ramai, pelaksanaan SHMMP Krismas 2022 telah berjalan dengan baik dan lancar serta tiada kenaikan harga dikesan selepas berakhirnya Skim ini.

8. Jalinan kerjasama dan penambakan yang dibuat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan agensi di bawahnya seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pertanian Malaysia, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, pihak berkuasa tempatan, pengeluar, pemborong, peruncit, dan pengguna sepanjang pelaksanaan SHMMP Krismas 2022 merupakan punca kejayaan Skim ini.

9. Penyebaran secara meluas kefahaman dan kesedaran awam mengenai kepentingan pelaksanaan Skim ini oleh pihak media juga telah membantu meningkatkan kesedaran kepada semua pihak.

10. Akhir sekali, KPDN merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan SHMMP dan menggalakkan pengguna terus menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan untuk menyalurkan maklumat berkaitan pelanggaran undang-undang membabitkan harga di pasaran secara rasmi melalui saluran berikut:

- i. Whatsapp ke 019- 279 4317 / 019-848 8000
- ii. Portal e-aduan.kpdnhep
- iii. Call Centre 1-800-886-800
- iv. Emel e-aduan@kpdnhep.gov.my
- v. Ez ADU KPDNHEP
- vi. Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245

#####

DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup
PUTRAJAYA, 30 Disember 2022